



## SIARAN MEDIA

### AHMAD MARIN MESEJ PULIHARA KHAZANAH TAMAN LAUT: DOF

**SERDANG, 12 Januari:** Jabatan Perikanan Malaysia telah menerbitkan satu Video Pesanan Khidmat Awam (PSA) Ahmad Marin sebagai platform bagi memulihara khazanah taman laut kepada masyarakat umum.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata, pihak jabatan telah mengetengahkan satu Mesej Kesedaran terhadap pemuliharaan khazanah taman laut supaya rakyat mengetahui peranan Jabatan dalam memulihara sumber perikanan khususnya di taman-taman laut, ujar Munir lagi.

Munir berkata, Pesanan Khidmat Awam (PSA) Ahmad Marin mengisahkan watak Ahmad Marin yang dibintangi oleh Ilham Hadiff Isnawan dan Paksu (Betto Kusyairi) yang mengembara ke Pulau Taman Laut dijayakan dalam 3 siri episod iaitu Episod Pulau Kami Datang, Jom Snorkeling dan Oh Diving Mu Menyeksaku. Pihak jabatan akan giat menerbitkan lagi Pesanan Khidmat Awam dalam pelbagai bentuk sebagai program kesedaran dalam memulihara sumber perikanan. Pada peringkat permulaan masa ini, kita akan menyiarkan video-video ini di saluran media sosial jabatan, jelas Munir.

Beliau berkata demikian ketika Pelancaran Pesanan Khidmat Awam Ahmad Marin & Pasar Perikanan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang di sini hari ini. Turut hadir Datuk Dr. Bah Piyon Tan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan).

Dalam perkembangan yang sama, Munir berkata pasar perikanan yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan mulai 2018 akan diteruskan pada tahun ini. Pasar perikanan diwujudkan dengan kerjasama agensi seperti Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan juga syarikat swasta bagi memberi ruang pasaran tersendiri kepada nelayan, penternak akuakultur dan pengusaha industri asas tani memasarkan hasil keluaran mereka terus kepada pengguna. Pasar Perikanan ini seumpama “Pusat Pertemuan antara Pengeluar dan Pengguna” di mana konsep yang diketengahkan adalah ‘Pengeluar Terus Kepada Pengguna’, jelas beliau lagi

Pasar Perikanan akan beroperasi mulai 8 pagi hingga 1 petang setiap minggu pertama setiap bulan bagi memberikan nilai tambah dan pilihan alternatif kepada pengguna dalam mendapatkan bekalan segar ikan tempatan dari industri perikanan.

**###**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

#### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat,  
Jabatan Perikanan Malaysia

No. Tel : 012-3569344 (Yazeereen)  
013-6317313 (Sharir)

Email : [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my) ; [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my);